

KTPK 18/4/2.01Jld.4/(71)

Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

16 Januari, 1996.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.1/1996  
:: Pembekalan Segera Bahan-Bahan Pemetaan Terhad ::**

**1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan untuk menetapkan tatacara pembekalan segera bahan-bahan pemetaan TERHAD kepada:
- 1.1.1 Badan-badan Berkanun di peringkat Persekutuan dan Negeri.
  - 1.1.2 Jabatan-Jabatan Kerajaan yang telah diswasta/korporatkan di peringkat Persekutuan dan Negeri.
  - 1.1.3 Juruukur-Juruukur Tanah yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia dan Lembaga Juruukur Tanah Sabah.

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Pembekalan bahan-bahan pemetaan TERHAD oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan tertakluk kepada tatacara yang digariskan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 8 Tahun 1990 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui surat PM (S) 10034 Jld. 5 bertarikh 30 November 1990. Bahagian III Perenggan 23 (7) Pekeliling tersebut menetapkan prosedur pembekalan segera bahan-bahan pemetaan TERHAD khusus kepada Jabatan -Jabatan Kerajaan sahaja.
- 2.2 Untuk membantu mempercepatkan proses pembangunan negara serta mengelakkan kelewatan di mana boleh, pihak Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bersetuju agar kemudahan pembekalan segera seperti yang diberikan kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan ini dipanjangkan juga kepada golongan pemohon seperti berikut:-
- 2.2.1 Badan-Badan Berkanun di peringkat Persekutuan dan Negeri.
  - 2.2.2 Jabatan-Jabatan Kerajaan yang telah diswasta/korporatkan di peringkat Persekutuan dan Negeri.
  - 2.2.3 Juruukur-Juruukur Tanah yang berdaftar dengan Lembaga

Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia dan Lembaga Juruukur Tanah Sabah.

### **3. Tatacara**

- 3.1 Secara amnya aspek-aspek lain berkaitan dengan pembekalan bahan-bahan pemetaan TERHAD yang terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bil. 8 Tahun 1990 seperti diamalkan sekarang hendaklah dipakai dan dipatuhi.
- 3.2 Takrif pembekalan segera adalah seperti dinyatakan di perenggan 23(7) Pekeliling tersebut dan yang dipakai untuk Jabatan-Jabatan Kerajaan iaitu *tanpa menunggu ulasan daripada pihak berkuasa berkenaan*. Selanjutnya pembekalan segera untuk pemohon-pemohon di perenggan 2.2 hendaklah dilaksanakan selaras dengan syarat-syarat lain yang dinyatakan dalam perenggan tersebut, iaitu:
  - 3.2.1 Jumlah bilangan dokumen yang diluluskan untuk pelepasan tidak boleh melebihi dua salinan bagi setiap lembar peta atau setiap citraan penderiaan jauh.
  - 3.2.2 Pemerosesan tapisan keselamatan susulan melalui saluran-saluran-saluran biasa masih perlu diteruskan.
  - 3.2.3 Satu surat iringan memberikan justifikasi keperluan segera dan ditandatangani oleh Ketua Pertubuhan berkenaan akan disertakan bersama dengan permohonan.
- 3.3 Semua permohonan untuk bahan-bahan pemetaan TERHAD oleh golongan pemohon di perenggan 2.2 hendaklah dibuat atas Borang PPNM 1.

### **4. Tarikh Kuatkuasa**

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pengeluarannya.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

**(DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan/Pengarah  
Pemetaan Negara Malaysia.

#### **Edaran kepada:**

Semua Pengarah-Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Pengarah Tanah dan Ukur Sabah  
Pengarah Tanah dan Survei Sarawak  
Pengarah Ukur Topografi Sabah  
Pengarah Ukur Topografi Sarawak

**Dalam:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)  
Pengarah Cawangan Pemetaan Pertahanan  
Pengarah Ukur Topografi  
Pengarah Ukur CAMS  
Ketua Pegawai Penyelidik Peta

**Salinan kepada :**

Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat 10, Wisma PKNS  
Jalan Raja Laut  
50524 KUALA LUMPUR.

Setiausaha,  
Lembaga Juruukur Tanah, Semenanjung Malaysia  
2735, Tingkat 1, Jalan Permata 4  
Taman Permata, Ulu Kelang  
53300 KUALA LUMPUR.

Setiausaha,  
Lembaga Juruukur Tanah, Sabah  
Tingkat 1, Blok B  
Jabatan Tanah dan Ukur, W.D.T. 462  
88883 KOTA KINABALU